

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(B)36**

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG  
YB MUHAMAD BIN KASIM**

36. Projek Mutiara LRT.

- (a) Nyatakan setakat ini berapa peratuskah kerja-kerja persiapan tapak dan laluan telah disiapkan.
- (b) Berapa ramaikah penduduk-penduduk yang terlibat dengan pengambilan tanah dan rumah yang terlibat?
- (c) Berapa banyak pampasan yang telah dibayar kepada mereka yang terlibat?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

36. (a) Status terkini projek LRT adalah di peringkat pengambilan tanah yang telah diwartakan bagi Seksyen 8 di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960 oleh pihak Pejabat Tanah dan Galian Pulau Pinang bersama pihak MRT Corporation (MRTC) bagi lot-lot yang terlibat dengan jajaran LRT Segmen 1 iaitu dari KOMTAR ke Permatang Damar Laut.

Kebenaran mengguna melibatkan tanah-tanah kerajaan telah diberikan kepada MRTC bagi 86 lot setakat ini. Selain itu, langkah-langkah bagi kerja awal sedang diusahakan selepas mendapat kelulusan dibawah Seksyen 20A, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976.

Pada masa yang sama projek LRT Laluan Mutiara kini berada dalam fasa persiapan awal di mana salah satu aspek penting dalam kerja-kerja pra-pembinaan ialah pemindahan utiliti sedia ada, yang perlu diselesaikan terlebih dahulu sebelum sebarang kerja pembinaan stesen atau jejambat dapat dimulakan.

Pihak MRTC juga memaklumkan bahawa kerja-kerja fizikal bagi projek ini dijangka bermula pada suku ketiga tahun 2025, manakala pembinaan berskala besar dijangka bermula pada suku keempat tahun 2026.

- (b) Bilangan penduduk yang terlibat hanya akan diketahui apabila siasatan di bawah Seksyen 12, Akta Pengambilan Tanah (APT 1960) dijalankan. Proses siasatan ini akan dijalankan dalam tempoh yang terdekat memandangkan pewartaan Seksyen 8, APT 1960 baru digazetkan pada 10 April 2025 yang lalu.

- (c) Kuantum pampasan hanya akan dapat dimuktamadkan setelah proses siasatan di bawah Seksyen 12, APT 1960 ke atas semua pihak berkepentingan diselesaikan. Setakat ini, proses penilaian pampasan masih belum dilaksanakan dan perihal ini akan ditentukan oleh pihak Tribunal Tanah.